

1982

BANTING, 8 OGOS (BERNAMA) -- UMNO TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT UNTUK MEREKA YANG MENYERTAINYA DENGAN TUJUAN Mencari KEDUDUKAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

HASRAT UMNO MENGUNDANG SEMUA ORANG MELAYU TERMASUK AHLI-AHLI PAS MENYERTAI PARTI ITU IALAH UNTUK MENYATUPADUKAN MEREKA BAGI MENGELAKKAN PERPECAHAN DIKALANGAN UMAT ISLAM.

BELIAU MENEGASKAN ORANG-ORANG MELAYU MASIH LEMAH TERUTAMA DIBIDANG EKONOMI DAN MELALUI PERPADUAN TEGUH SAHAJA MEREKA DAPAT MENENTUKAN YANG MEREKA TIDAK DAPAT DITINDAS OLEH MANA-MANA PIHAK.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUALA LANGAT DI DEWAN JUGRA DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, UMNO TIDAK AKAN MEMBUAT JEMPUTAN SECARA RESMI UNTUK MANA-MANA PIHAK MENYERTAI PARTI ITU.

+ORANG-ORANG YANG MENUNGGU KAD JEMPUTAN BUKANLAH ORANG POLITIK,+ KATA BELIAU. -- LAGI 1314/AH

B532

MAHATHIR - UMNO 2 BANTING

MEREKA YANG INGIN DIUNDANG MENYERTAI UMNO ITU AKAN MEMINTA LAYANAN ISTIMEWA KERANA BUKAN HASRAT MEREKA SENDIRI UNTUK MENYERTAI PARTI TERSEBUT, KATANYA.

MEREKA INI TIDAK ADA TEMPAT DALAM UMNO, KATANYA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU MENJELASKAN TUJUANNYA MENGUNDANG AHLI-AHLI PAS MENGANGGOTAI UMNO KERANA MEREKA TELAH KELIRU DAN HILANG HALUAN AKIBAT TINDAK-TANDUK PARA PEMIMPIN PAS.

KATANYA PARA PEMIMPIN PAS IRI HATI DENGAN KEJAYAAN UMNO DAN TELAH MEMILIH UMNO SEBAGAI MUSUH MEREKA.

OLEH KERANA MEREKA TIDAK MEMPUNYAI ISU UNTUK MENENTANG UMNO, PAS MEMPERALATKAN AGAMA ISLAM, KATA BELIAU.

BEBERAPA MASALAH DAN KEKACAUAN DI KALANGAN UMAT ISLAM YANG BERLAKU DI NEGARA IALAH KERANA TINDAK TANDUK PARA PEMIMPIN PARTI PAS.

UMNO DENGAN KEANGGOTAAN SERAMAI 750,000 ORANG MERUPA PARTI ISLAM YANG TERBESAR DI MALAYSIA DAN KETIGA BESARNYA DI DUNIA TIDAK BOLEH BERSIKAP MARAH KEPADA 'MEREKA YANG HILANG HALUAN INI.'

+KITA INGIN MEREKA MENYERTAI PERJUANGAN KITA SEMULA,+ KATA BELIAU. -- LAGI 1321/AH

B535

MAHATHIR - UMNO 3 BANTING

MENURUT PERDANA MENTERI SEMASA PAS DALAM BARISAN NASIONAL PARA PEMIMPINNYA DIBERI BERBAGAI KEMUDAHAN DAN KEDUDUKAN DAN TELAH MEMENANGI KERUSI DI MELAKA, NEGERI SEMBILAN DAN SELANGOR KERANA SOKONGAN KAUT UMNO TETAPI SALASANNYA YANG DITERIMA SEMASA PAS MENYERTAI KERAJAAN IALAH Mencari JALAN UNTUK MELEMAHKAN UMNO.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KALAU DULU PAS TIDAK MEMPUNYAI RANTING-RANTINGNYA DI TEMPAT-TEMPAT TERTENTU, PARA PEMIMPINNYA TERMASUK BEKAS MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH DATUK HAJI MOHD. ASRI, MENGGUNAKAN KEMUDAHAN KERAJAAN UNTUK MENUBUHKAN RANTING-RANTING PAS DI RANCANGAN-RANCANGAN FELDA DAN SEBAGAINYA UNTUK MELEMAHKAN UMNO, KATA BELIAU.

KATANYA PAS HARI INI MENGECEM UMNO MENGGUNAKAN KEMUDAHAN KERAJAAN TETAPI PAS SEBALIKNYA TELAH BERBUAT DENIKIAN SEMASA DALAM BARISAN NASIONAL DULU SEHINGGA DAPAT BERKEMBANG KE JOHOR.

AKIBAT PERBUATANNYA ITU, MEREKA DISINGKIR DARI BN, + TAMBAHNYA.

-- LAGI 1327/AH

B536

MAHATHIR - UMNO 4 BANTING

MENGENAI PENYERTAAN ORANG MELAYU DALAM PERNIAGAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA HARUS SANGGUP MENGHASILKAN BARANG-BARANG YANG BERMUTU TINGGI SUPAYA DAPAT BERSAING DENGAN PIHAK-PIHAK LAIN.

UNTUK ITU, MEREKA HARUSLAH MELENGKAPKAN DIRI DENGAN BERBAGAI PENGETAHUAN DAN LATIHAN YANG SESUAI.

KATANYA, SESUATU PERNIAGAAN HANYA AKAN BERJAYA JIKA DILAKSANAKAN DENGAN JUJUR DAN TANPA TIPU HELAH, KATA BELIAU.

TURUT HADIR DI MAJLIS TERSEBUT IALAH NAIB PRESIDEN UMNO DATUK HAJI HARUN IDRIS YANG JUGA TELAH MENANG TANPA BERTANDING UNTUK MENGETUAI BAHAGIAN UMNO TERSEBUT, BEKAS MENTERI BESAR SELANGOR DATUK HORMAT HAFEI DAN KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA DATIN PADUKA HAJAH AISHAH GHANI.

SEBELUM ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATIN SERI DR. SITI HASMIAH TELAH DIARAK DENGAN KOMPANG DAN BUNGA MANGGA SETIBANYA DENGAN HELIKOPTER DARI KUALA LUMPUR BARI STADIUM JUGRA KE DEWAN JUGRA UNTUK MELAKUKAN PERASMIAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN TERSEBUT.

-BERNAMA 1331/AH